

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	UtusanBiz / Front Page
Date	Mon, 24 th Oct 2016	Lead Article	Yes
Headline	SME Bank Laksana Program Khusus Bantu Usahawan		

SME Bank laksana program khusus bantu usahawan

BAJET 2017

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 OKT.

SME Bank merancang melaksanakan program khusus dengan peruntukan sebanyak RM100 juta yang dicadangkan di dalam Bajet 2017 untuk menggalakkan keusahawanan.

Menurut SME Bank, program tersebut bertujuan meningkatkan peluang usahawan bumiputera mendapat pembiayaan bagi mengembangkan perniagaan mereka dan seterusnya dapat meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Jelas bank berkenaan, pihaknya akan lebih agresif dan terus menawarkan program 'Skim Anjakan Usahawan' (SAU), antara inisiatif utama dalam memacu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

"SAU akan membantu dalam mencapai sasaran 41 peratus sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara menjelang 2020.

"Pengumuman tahun 2017 sebagai Tahun Promosi Startup dan PKS tepat pada masanya kerana kita hanya mempunyai empat tahun lagi untuk mencapai sasaran Pelan Induk PKS," jelas SME Bank dalam kenyataan di sini semalam. Dalam Bajet 2017 yang dibentangkan kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan lebih RM1 bilion dana bantuan perniagaan disediakan kepada peniaga dan syarikat bumiputera bagi meningkatkan produktiviti perniagaan, selain dilihat sebagai usaha kerajaan membantu kumpulan perniagaan itu bersedia menghadapi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Antara bantuan tersebut adalah dana bantuan perniagaan sebanyak RM100 juta kepada SME Bank bagi meningkatkan peluang usahawan bumiputera.

Sementara itu, SME Bank memberitahu, dari segi statistik, sektor PKS perlu mencatatkan pertumbuhan tahunan minimum lebih 10 peratus dan angka ini adalah lebih tinggi daripada angka pertumbuhan tahunan KDNK yang dianggarkan antara empat hingga lima peratus setahun.

"Pengenalan Tabung Promosi Eksport Negara, pengurangan cukai ke atas syarikat PKS yang produktif, melebarkan serta meningkatkan kualiti jalur lebar, melaksanakan program-program pendigitalan dan menawarkan kemudahan kredit insurans dengan nilai perlindungan sehingga RM1 bilion seharusnya menyumbang secara langsung untuk mencapai Pelan Induk PKS.

"Apa yang penting sekarang ialah untuk usahawan-usahawan PKS bertindak secara agresif dan merebut semua peluang yang telah diletakkan di hadapan mata. Semua usahawan perlu mengubah cara berfikir dan menggunakan sepenuhnya bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan," jelas bank itu.

Tambah SME Bank, pihaknya berazam untuk mendukung penuh mandat dan kepercayaan yang diberikan untuk melaksanakan program tersebut bagi menyokong aspirasi kerajaan dalam memperingkatkan penyertan dan pengukuhan bumiputera dalam pelbagai bidang industri pembuatan dan perkhidmatan serta perdagangan di peringkat domestik dan global.

SME Bank diperuntuk RM100 juta dalam Bajet 2017.

Sasaran 41% sumbangan PKS pada KDNK tahun 2020.

PKS perlu agresif rebut peluang.

Skim Anjakan Usahawan pacu PKS ke tahap lebih tinggi.

PKS perlu catat pertumbuhan tahunan minimum 10%.



SEORANG peniaga, Rogayah Timbuong menyusun produk krafangan yang dihasilkan. - GAMBAR HIASAN



USAHAWAN keropok lekor sedang membuat keropok lekor di sebuah kilang di Sungai Isap, Kuantan. - GAMBAR HIASAN